

Tangki air di tingkat empat Kompleks Teruntum pecah

Oleh GHAZALI ALIAS

KUANTAN – Ratusan orang awam panik dan masing-masing menjerit apabila mendengar bunyi dentuman kuat disusuli limpahan air dan runtuhannya konkrit dalam kejadian tangki air pecah di tingkat empat bangunan Kompleks Teruntum di Jalan Mahkota-Seri Kuantan di sini semalam.

Dalam insiden pada pukul 12.45 tengah hari itu, empat mangsa cedera manakala 10 buah motosikal dan tiga buah kereta rosak akibat dihempap runtuhannya konkrit yang diletakkan di kawasan bangunan tersebut.

Komander Operasi Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan, Bakhtiar Iskandar Mohamad berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu pada pukul 1 petang daripada orang awam.




SHEIKH MOHD. HANAFI

“Sebuah jentera bomba dengan 11 anggota dikejarkan ke tempat kejadian. Selain itu, turut berada di situ ialah polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang turut membantu menutup kawasan kejadian dan mengalihkan kenderaan yang terlibat,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Badan Pengurusan Bersama kompleks itu, Mohd. Zaid Harun berkata, kompleks itu akan ditutup sementara waktu bermula semalam selepas mendapat nasihat bomba.

“Kompleks ini hanya akan dibuka dan beroperasi semula selepas mendapat pengesahan Jabatan Kerja Raya (JKR),” katanya.

Kompleks Teruntum mula beroperasi pada Januari 1980 dan mempunyai 22 tingkat dengan tiga tingkat menempatkan pelbagai premis perniagaan.



AIR yang melimpah dari tangki pecah di tingkat empat Kompleks Teruntum di Jalan Mahkota-Seri Kuantan, Kuantan semalam.

Difahamkan, kali terakhir pihak pengurusan bangunan menukarkan tangki air yang berada di tingkat 4 kompleks itu 15 tahun lalu.

Dalam pada itu, seorang mangsa, Sheikh Mohd. Hanafi Sheikh

Ali, 50, berkata, ketika kejadian dia bersama isteri, Norziah Abdul Ghafar, 51, menggunakan jalan belakang di Kompleks Teruntum untuk ke pusat beli-belah Kuantan Parade.

“Secara tiba-tiba kami dita-

utkan dengan bunyi dentuman yang sangat kuat sebelum disusuli runtuhannya batu konkrit dan limpahan air yang jatuh dari tingkat empat di Kompleks Teruntum di depan kami.

“Mujur saya dan isteri sempat lari dan berjaya mengelak daripada ditimpa air atau batu konkrit yang runtuh,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bagaimanapun, kata Sheikh Mohd. Hanafi, dia dan isteri mengalami luka kecil di lutut, siku dan tapak tangan akibat terjatuh ketika mengelak daripada ditimpa runtuhannya batu konkrit.

Selain itu, katanya lagi, motosikal model Modenas Kriss miliknya turut rosak akibat dihempap runtuhannya konkrit.

Seorang peniaga kereta, Tuan Nur Aisyah Tuan Mohd. Nor pula berkata, dia menjadi panik apabila mendengar dentuman kuat diikuti limpahan air.

“Saya panik dan terus men-capai anak lalu berlari meninggalkan khemah jualan di bawah kompleks itu,” katanya.